



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 22 / 2020**

**SPR HANTAR KAD PENGUNDI (VOTER'S CARD)**  
**KEPADA 20,990 ORANG PENGUNDI**  
**DI PRK DUN N.23 CHINI**

1. Dalam usaha menggalak dan memudahkan pengundi untuk keluar mengundi pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) N.23 Chini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) meneruskan inisiatif penghantaran kad pengundi (voter's card) kepada **20,990 orang pengundi** yang meliputi **20,972 orang pengundi biasa** dan **18 orang pengundi awal**.
2. *Voter's card* ini mengandungi maklumat pusat mengundi, saluran mengundi, nombor bilangan pengundi, tarikh, masa pengundian dan cadangan masa keluar mengundi yang digalakkan. Maklumat tersebut akan memudahkan pengundi untuk keluar mengundi pada hari mengundi awal pada 30 Jun 2020 (Selasa) dan hari mengundi biasa pada 4 Julai 2020 (Sabtu).
3. Pada voter's card kali ini, SPR juga meletakkan maklumat "MASA KELUAR MENGUNDI YANG DIGALAKKAN" bagi setiap pengundi.

SPR amat berharap pengundi keluar mengundi mengikut "MASA KELUAR MENGUNDI YANG DIGALAKKAN". Cadangan masa ini bertujuan untuk mengelakkan pengundi berkumpul dalam jumlah yang ramai dan seterusnya memastikan penjarakan sosial dalam kalangan pengundi semasa berada di pusat mengundi. Ini adalah selaras dengan prosedur kawalan penyebaran wabak covid-19 di bawah Akta 324 Akta Kawalan Penyakit Berjangkit yang sedang berkuat kuasa.

4. SPR telah mengedarkan voter's card mulai **15 Jun 2020** kepada semua pengundi bagi PRK DUN N.23 Chini, Pahang. Pengundi yang telah menerima *voter's card* tidak lagi perlu membuat semakan di Barung SPR untuk menyemak saluran dan nombor bilangan pengundi dalam daftar pemilih kerana kedua-dua maklumat berkaitan telah dinyatakan dalam kad tersebut.
5. SPR menegaskan bahawa pengundi masih perlu membawa kad pengenalan bagi pengesahan identiti untuk mengundi dan diingatkan supaya membawa *voter's card* atau catatan maklumat daftar pemilih pada hari mengundi bagi memudahkan semakan.
6. Bagi mana-mana pengundi yang tidak menerima *voter's card* berkenaan boleh membuat semakan maklumat pengundian iaitu pusat mengundi, saluran dan nombor bilangan. Semakan boleh dibuat melalui portal **SPR pengundi.spr.gov.my** atau Aplikasi **MySPR Semak** atau melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) (**SPR <jarak> SEMAK <jarak> NOMBOR KAD PENGENALAN**

hantar ke nombor **15888** atau menghubungi talian hotline SPR di **03-8892 7018**.

Sekian.

**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 15 Jun 2020 / 23 Syawal 1441H